

KENYATAAN MEDIA

MRT LALUAN SUNGAI BULOH-KAJANG MENERIMA PENUMPANG PADA 16 DISEMBER 2016

Kuala Lumpur, 13 Disember 2016: Selepas lima tahun dalam pembinaan, MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK) sedia untuk menerima penumpang untuk julung kalinya pada pukul 6 pagi, 16 Disember 2016 apabila Fasa Pertama mula beroperasi.

Fasa Pertama melibatkan bahagian bertingkat utara Laluan SBK yang panjangnya 21km dan merangkumi 12 stesen di antara Stesen Sungai Buloh dan Stesen Semantan di Bukit Damansara.

Pengarah Projek Laluan SBK Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp), Encik Marcus Karakashian berkata ujian telah dilakukan bagi memastikan sistem-sistem laluan ini adalah baik dan selamat bagi orang ramai.

"Saya berbesar hati mengumumkan bahawa Laluan SBK kini sedia untuk mengambil penumpang," kata beliau dalam satu taklimat yang diadakan kepada media pada hari ini.

Pelancaran rasmi Laluan SBK yang akan disempurnakan oleh Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak akan diadakan pada 15 Disember 2016, sehari sebelum laluan ini dibuka kepada orang ramai pada 16 Disember 2016.

Karakashian berkata susulan daripada keputusan Kerajaan, anak syarikat Prasarana Malaysia Bhd iaitu Rapid Rail Sdn Bhd telah dilantik sebagai pengendali bagi Laluan SBK. Rapid Rail akan menguruskan semua perkara berkaitan dengan perkhidmatan tren, termasuk penjadualan tren, tiket dan tambang, dan perkhidmatan pelanggan.

Beliau berkata walaupun kesemua ujian telah dijalankan selama beberapa bulan, masalah-masalah awal (teething problems) masih boleh berlaku semasa operasi.

"Saya memohon kepada orang ramai supaya bersabar dan bertimbang rasa. Seperti semua sistem-sistem tren yang baru, masalah-masalah awal akan berlaku. Kami akan berusaha untuk menyelesaikan apa-apa isu yang berkaitan jika berlakunya sebarang masalah," katanya.

Sebelum ini, Rapid Rail telah mengumumkan bahawa tambang untuk Fasa Satu Laluan SBK akan bermula dari RM1 sehingga ke RM3.90 antara Stesen Sungai Buloh dan Stesen Semantan. Hanya tunai dan kad-kad Touch 'n Go akan diterima dalam jangkamasa operasi Fasa Satu.

Kad MyRapid tidak akan boleh digunakan bagi Laluan SBK. Untuk diskaun 50% yang diberikan kepada warga emas, pelajar dan Orang Kurang Upaya (OKU) pula, token dengan tambang konsesi perlu dibeli di pejabat perkhidmatan pelanggan.



Selain tren MRT, bas pengantara Laluan SBK juga akan mula beroperasi di 25 laluan daripada 12 stesen Fasa Pertama yang akan mula beroperasi pada 16 Disember 2016. Sebanyak 112 bas akan digunakan untuk menampung laluan ini. Bas-bas ini akan dikendalikan oleh RapidBus Sdn Bhd, anak syarikat Prasarana.

Ketua Jabatan Bas Pengantara dan Perancangan Infrastruktur Encik Rudyanto Azhar, yang turut hadir semasa sesi taklimat, berkata laluan-laluan bas pengantara dirancang untuk memberi perkhidmatan kepada kawasan kediaman dan komersial yang berada dalam lingkungan 3km dari stesen MRT.

"Bas-bas pengantara akan berjalan dengan kekerapan antara 10 minit dan 15 minit. Kami akan memantau keadaan untuk memastikan permintaan dari pengguna dalam tempoh beberapa minggu pertama," ujarnya.

Beliau berkata tambang bagi bas pengantara boleh dibayar secara tunai dan menggunakan kad Touch n' Go. Bagi warga emas, pelajar dan Orang Kurang Upaya yang layak mendapat diskaun 50%, mereka perlu menunjukkan kad-kad konsesi kepada pemandu-pemandu bas untuk mendapatkan diskaun.

Kemudahan letak kenderaan "Park and Ride" bagi Laluan SBK juga akan mula beroperasi pada 16 Disember 2016.

Pengarah Komersial dan Pengurusan Tanah MRT Corp Dato' Haris Fadzil Hassan berkata kemudahan letak kenderaan di Stesen Sungai Buloh, Stesen Kwasa Damansara, Kwasa Sentral, Bandar Utama dan Pusat Bandar Damansara akan dibuka pada 16 Disember 2016.

Walau bagaimanapun, kemudahan letak kenderaan di Phileo Damansara hanya akan dibuka kemudian.

"Saya perlu menekankan bahawa daripada kesemua kemudahan letak kenderaan Park and Ride yang telah dinyatakan, hanya kemudahan letak kenderaan di Sungai Buloh adalah dimiliki sepenuhnya dan dikendalikan oleh MRT Corp.

"Lain-lain kemudahan letak kenderaan Park and Ride pula dimiliki dan dikendalikan oleh pihak ketiga di bawah perjanjian dengan MRT Corp bagi menyediakan kemudahan-kemudahan untuk pengguna MRT," jelasnya.

Beliau berkata MRT Corp telah menggalakkan pihak ketiga ini untuk mengenakan caj parkir yang sama dengan apa yang dikenakan oleh MRT Corp, serta menyediakan kemudahan-kemudahan yang sama. Walau bagaimanapun, terpulang kepada mereka sama ada mereka ingin ikut nasihat MRT Corp. Namun, kebanyakan daripada mereka telah bersetuju untuk berbuat demikian.

Bagi kemudahan-kemudahan yang dimiliki sepenuhnya dan dikendalikan oleh MRT Corp, caj letak kenderaan adalah sebanyak RM4.30 bagi sekali masuk bagi mereka yang menggunakan perkhidmatan MRT. Hanya kad-kad Touch n' Go boleh digunakan di kemudahan-kemudahan letak kenderaan.

"Kad-kad Touch n' Go diperlukan untuk membolehkan kami membezakan mereka yang meletak kenderaan dan menggunakan perkhidmatan MRT daripada mereka yang tidak berbuat demikian. Buat masa ini, kami akan mengenakan caj sama rata bagi semua pengguna akan tetapi menyusul



kemudian, sistem ini akan dapat mengenakan caj mengikut jam bagi mereka yang meletak kenderaan tetapi tidak menggunakan perkhidmatan tren-tren MRT," ujar beliau.

Bagi perkhidmatan pelanggan, Pengarah Komunikasi Strategik dan Hal Ehwal Berkepentingan Dato' Najmuddin Abdullah berkata Talian Bantuan RapidKL di +603 7885 2585 kini akan mula menguruskan semua pertanyaan mengenai operasi Laluan SBK.

"Hotline MRT di 1800-82-6868 akan terus beroperasi tetapi ia akan memberi tumpuan kepada perkara yang berkaitan pembinaan Fasa Kedua Laluan SBK dan MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya," katanya.

Najmuddin berkata sepanjang tempoh peralihan ini, mungkin terdapat orang yang menelefon nombor yang salah. Beliau berkata MRT Corp dan Prasarana telah berusaha mengadakan perjanjian bersama bagi menyelesaikan sebarang pertanyaan atau aduan yang dikemukakan kepada pihak yang salah, supaya pelanggan tidak menghadapi sebarang kesulitan.

Beliau turut menyatakan bahawa informasi mengenai hal-hal operasi bagi Laluan SBK akan berada di laman web RapidKL dan platform-platform media sosial sejajar dengan Prasarana yang menjadi pengendali laluan.

-tamat/-